



Pengaplikasian elemen al-darūrat dalam penjelasan hukum berkaitan isu COVID-19 oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

(The application of the elements of al-darūrat in the legal explanations related to COVID-19 issues by the Federal Territories of Mufti Office)

Siti Maryam Nazman¹✉, Mohamad Khairul Izwan Rifin^{1*}✉, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin²✉

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 14 January 2025

Accepted 31 October 2025

Published 11 November 2025

Keywords:

COVID-19

al-darūrat

harm

maqasid syariah

Federal Territories Mufti Office

Katakunci:

COVID-19

al-darūrat

kemudharatan

maqasid syariah

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i2.13>

ABSTRACT

Malaysia was once affected by the global spread of the COVID-19 pandemic. During this period, the National Security Council (NSC) implemented control measures through the Movement Control Order (MCO), guided by established Standard Operating Procedures (SOPs). However, these measures created challenges in fulfilling religious obligations, particularly the Friday prayer. The Federal Territories Mufti's Office (PMWP) addressed these issues through fatwas published on its official website, employing the principle of *al-darūrat* (necessity) as the foundation for its rulings. This study aims to identify the elements of *al-darūrat* applied and to analyse their implementation by PMWP. Adopting a qualitative research design, this study employed documentation methods for data collection and content analysis for data interpretation. The findings reveal that several elements were utilized, including the conditions and guidelines for applying *al-darūrat*, as well as *qawā'id fiqhīyyah* (jurisprudential maxims) related to it. Two major principles were primarily applied, namely *al-darar yuzāl* (harm must be eliminated) and *al-mashaqqah tajlib al-taysīr* (hardship brings ease). In conclusion, during the COVID-19 pandemic, PMWP played a vital role in guiding the Muslim community by employing the principle of *al-darūrat*. This approach not only provided solutions to emerging legal and religious challenges but also demonstrated the flexibility and adaptability of Islamic law in addressing situations of hardship, constraint, infirmity, and harm.

ABSTRAK

Malaysia pernah dilanda pandemik COVID-19 yang menular ke seluruh dunia. Dalam tempoh tersebut, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah melaksanakan langkah-langkah kawalan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berasaskan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan SOP ini telah

^{1*} Corresponding author. E-mail address: khairulizwan@uitm.edu.my

menimbulkan kekangan terhadap pelaksanaan ibadah seperti solat Jumaat. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) tampil menjawab isu ini melalui fatwa yang diterbitkan di laman rasminya dengan menggunakan prinsip *al-darūrat* sebagai asas penghujahan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen-elemen *al-darūrat* yang digunakan serta menganalisis pengaplikasiannya oleh PMWP. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data, manakala kaedah analisis kandungan digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen penting yang diaplikasikan, termasuk syarat-syarat dan garis panduan penggunaan *al-darūrat* serta *qawā'id fiqhiyyah* yang berkaitan dengannya. Dua kaedah umum yang menjadi asas ialah *al-darar yuzāl* (kemudahan hendaklah dihapuskan) dan *al-masyaqqah tajlib al-taysir* (kesukaran membawa kepada kemudahan). Kesimpulannya, dalam menghadapi pandemik COVID-19, PMWP telah memainkan peranan penting dalam memberikan panduan kepada masyarakat Islam melalui penerapan prinsip *al-darūrat*. Pendekatan ini bukan sahaja menyelesaikan pelbagai persoalan hukum semasa, tetapi juga memperlihatkan keanjalan hukum Islam dalam menangani keadaan darurat, kesempitan, keuzuran dan kemudahan.

PENDAHULUAN

Fatwa dalam Islam merujuk kepada pendapat atau keputusan hukum yang diberikan oleh seorang cendekiawan Islam yang faqih (mufti) berdasarkan hukum Islam (syariah). Fatwa tersebut merangkumi perbincangan yang berkaitan dengan hukum-hakam, fiqh dan ilmu agama, sama ada dikeluarkan dalam bentuk jawapan kepada soalan *mustafī* (orang yang bertanya) atau sebagai keputusan penerangan hukum, walaupun tidak berpunca daripada soalan yang khusus (Al-Turkī, 1990; Al-Mallāh, 2009). Sementara itu, di Malaysia, sesuatu fatwa hanya dianggap sah apabila keputusan fatwa tersebut diwartakan sama ada di peringkat negeri atau persekutuan (Ab Razak & Ismail, 2022).

Fatwa ini berperanan sebagai panduan dan jawapan terhadap pertanyaan atau situasi tertentu dalam kehidupan seharian yang memerlukan penafsiran atau interpretasi dari sudut pandang Islam. Ia juga berfungsi untuk membimbing umat Islam dalam perkara akidah, amalan dan tingkah laku (akhlak). Seterusnya, fatwa dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan, termasuk kekeliruan atau isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat (Ismail, 2015; Rahman, 2018). Tambahan pula, perkembangan zaman moden dalam bidang perubatan, ekonomi dan teknologi telah menimbulkan pelbagai persoalan dan keraguan baharu mengenai status pelaksanaannya, sama ada berlandaskan prinsip syariah atau sebaliknya.

Proses pengeluaran fatwa melibatkan penelitian yang mendalam terhadap empat sumber utama pensyariaan hukum Islam iaitu Al-Quran, Hadis, Ijma' dan Qiyas. Oleh itu, dalam pengeluaran fatwa, mufti perlu memiliki pemahaman yang mendalam tentang hukum Islam serta isu-isu kontemporari, sama ada dalam konteks sosial mahupun budaya tempat fatwa tersebut diperlukan. Proses ini meliputi pelbagai bidang, bermula daripada ibadah, kekeluargaan, ekonomi, politik dan sebagainya, termasuk isu-isu kontemporari seperti teknologi, biologi dan perubatan. Walau bagaimanapun, pandangan dan kepakaran pakar dalam bidang berkaitan turut diambil kira, kerana melalui kepakaran tersebut, sesuatu isu dapat digambarkan dengan pemahaman, konsep dan realiti yang tepat (Massarwh, 2024). Namun, penting juga difahami bahawa keputusan sesuatu fatwa boleh dikeluarkan dalam pelbagai bentuk hukum syarak, bergantung pada permasalahan yang difatwakan, dan hal ini tidak dianggap suatu kesalahan kerana ia bergantung kepada mazhab yang dipegang serta kesesuaian dengan adat setempat.

Pada tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan wabak penyakit baharu yang dikenali sebagai Coronavirus Disease 2019 (COVID-19). Wabak tersebut dipercayai berpunca dari Wuhan, China (World Health Organization, 2021) dan telah merebak ke Malaysia sehingga menyebabkan kemudaratan kepada rakyat Malaysia. Susulan itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 oleh Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin sebagai langkah pencegahan bagi mengekang penularan wabak tersebut. Schubungan dengan itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk digunakan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP.

Implikasi pelaksanaan SOP tersebut telah menimbulkan beberapa halangan dan kekangan kepada masyarakat Islam dalam melaksanakan ibadah seharian. Antaranya ialah isu berkaitan ibadah solat Jumaat, seperti hukum meninggalkan solat Jumaat melebihi tiga kali berturut-turut, serta hukum pelaksanaan solat jamak bagi petugas COVID-19, dan sebagainya. Berdasarkan permasalahan tersebut, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) merupakan antara institusi kefatwaan yang terkehadapan dalam menjawab pelbagai isu berbangkit sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19 melalui laman web rasminya, termasuk siri Bayan Linnas, Irsyad al-Fatwa dan al-Kafi li al-Fatawi.

Disebabkan itu, konsep *al-darūrat* telah diaplikasikan bagi menjawab persoalan tersebut. Hal ini demikian kerana kemudaratan yang berlaku telah mendesak kepada penerapan konsep *al-darūrat* dalam menangani segala *mafsadah* yang mendatang. Sebagai contoh, dalam bidang perubatan, timbul keperluan untuk menggunakan bahan atau barangan yang diharamkan disebabkan keadaan darurat, dan hal ini dibenarkan kerana selaras dengan prinsip penjagaan maqasid syariah (Yassin et al., 2024). Malah, keadaan ini juga bertepatan dengan kaedah fiqh *‘idhā ta’aradāt mafsadatān rū’iyya a’zamuḥumā bi irtikābi akhaffihimā’* yang bermaksud apabila dua kemudaratan bertembung, maka diutamakan untuk menolak kemudaratan yang lebih besar dengan melakukan yang lebih ringan. Kaedah ini amat bersesuaian dengan situasi pandemik COVID-19 pada ketika itu.

Dalam hal ini, timbul persoalan mengenai bagaimanakah pengaplikasian konsep *al-darūrat* serta elemen-elemennya telah diterapkan oleh PMWP dalam menjawab pelbagai isu berkaitan COVID-19. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaplikasian elemen-elemen *al-darūrat* yang digunakan oleh PMWP dalam penjelasan hukum terhadap isu-isu berkaitan COVID-19.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data utama. Data tersebut diperoleh daripada laman web rasmi PMWP bagi mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu dan penjelasan hukum berhubung COVID-19 yang melibatkan elemen *al-darūrat*. Selain itu, sumber data sekunder turut diperoleh daripada kitab-kitab klasik dan penulisan ilmiah kontemporari yang membincangkan fatwa serta konsep *al-darūrat*. Seterusnya, semua data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti corak pengaplikasian elemen *al-darūrat* dalam penentuan hukum oleh PMWP.

Sebagai permulaan, kajian ini dimulakan dengan mengklasifikasikan isu-isu penjelasan hukum yang telah dikemukakan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Isu-isu tersebut terdiri daripada penjelasan hukum yang dikeluarkan oleh PMWP. Seterusnya, isu-isu berkenaan disaring dan dipilih berdasarkan penggunaan elemen *al-darūrat* dalam justifikasi hukum. Akhir sekali, proses pengumpulan dan analisis data dijalankan terhadap tiga isu terpilih yang difokuskan kepada permasalahan *al-darūrat* berkaitan ibadah solat, khususnya solat Jumaat, semasa tempoh penularan COVID-19. Ketiga-tiga isu tersebut diperoleh daripada kategori Bayan Linnas, Irsyad al-Fatwa dan al-Kafi Li al-Fatawi yang diterbitkan oleh PMWP.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Di Malaysia, urusan hal ehwal agama Islam berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Perkara ini telah dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(2) dan 3(3). Bagi negeri-negeri yang mempunyai Sultan, kedudukan Sultan adalah sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Perkara 3(2). Manakala bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, tanggungjawab sebagai Ketua Agama Islam dipertanggungjawabkan kepada Yang di-Pertuan Agong, berdasarkan Perkara 3(3) Perlembagaan

Persekutuan. Maka, terdapat 14 institusi kefatwaan di Malaysia, masing-masing diketuai oleh seorang Mufti yang mewakili Ketua Agama Islam bagi setiap negeri. Salah satu daripadanya ialah Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP).

Pada peringkat awal, PMWP bukanlah sebuah institusi fatwa yang berdiri sendiri. Berdasarkan sejarah penubuhan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada tahun 1974, Mufti Wilayah Persekutuan (WP) merupakan salah satu urusetia di bawah JAWI. Pada ketika itu, Mufti WP berperanan sebagai Ketua Bahagian Istibat. Kemudian, Bahagian Istibat telah dipisahkan daripada JAWI pada 1 Oktober 1998. Pada peringkat awal penubuhannya, pejabat ini hanya terdiri daripada enam orang anggota sahaja. Namun, pada tahun 2000, pejabat tersebut telah mendapat waran untuk mengurus sendiri hal ehwal pentadbiran dan kewangan. Seterusnya, pada 3 Mac 2004, PMWP telah menubuhkan cawangan baharu di Labuan. Sejak penubuhannya, jawatan Mufti Wilayah Persekutuan telah disandang oleh seramai lapan orang individu. Kini, jawatan tersebut disandang oleh Sahibus Samahah Dr. Luqman bin Haji Abdullah, yang mula berkhidmat pada 15 Mei 2020.

Antara objektif utama penubuhan PMWP adalah untuk memberikan penjelasan dan kefahaman yang jelas kepada masyarakat mengenai fatwa serta hukum syarak. Berdasarkan objektif tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh PMWP bagi mendekati masyarakat dalam memastikan kefahaman terhadap hukum Islam dapat disampaikan secara berkesan. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan platform media sosial sebagai medium interaksi dan penyebaran maklumat. PMWP menyediakan ruang bagi masyarakat mengemukakan soalan berkaitan hukum Islam melalui laman web rasmi PMWP, Twitter, Facebook, Instagram, WhatsApp, panggilan telefon ke pejabat, dan juga emel. Selain itu, PMWP turut melaksanakan aktiviti turun padang bagi mendekati masyarakat secara langsung, antaranya melalui program Klinik Hukum yang diadakan pada setiap hari Jumaat di masjid-masjid terpilih (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, n.d.).

Di laman web rasmi PMWP, terdapat satu ruangan khas yang menghimpunkan semua persoalan dan penjelasan hukum yang telah dijawab dalam bentuk artikel ilmiah. Secara keseluruhannya, terdapat lapan siri artikel yang mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri, iaitu Bayan Linnas, Irsyad al-Fatwa, al-Kafi Li al-Fatawi, Irsyad al-Hadith, Irsyad Usul al-Fiqh, Tahqiq al-Masail, al-Afkar, dan Qalam Mufti (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, n.d.). Tiga daripada lapan siri artikel tersebut telah dipilih sebagai fokus utama kajian ini, iaitu Bayan Linnas, Irsyad al-Fatwa, dan al-Kafi Li al-Fatawi. Pemilihan ini dibuat kerana matlamat penerbitan ketiga-tiga artikel tersebut lebih bersesuaian dalam menjawab dan menjelaskan isu-isu hukum fiqh yang berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat Islam.

Elemen-Elemen *Al-Darūrat*

Implikasi kemudaratan terhadap mukalaf telah memberikan alternatif hukum tertentu dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Hal ini kerana, kemudaratan yang berlaku membolehkan seseorang melaksanakan perkara yang asalnya dilarang (haram), meninggalkan perkara yang asalnya diperintahkan (wajib), atau menanggukkan pelaksanaan sesuatu perbuatan bagi mengelakkan kemudaratan daripada menimpa dirinya, selaras dengan prinsip syariat Islam (al-Zuhaili, 1985).

Para ulama telah menetapkan beberapa syarat dan bentuk kelonggaran berkaitan keadaan *al-darūrat* yang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari. Terdapat lima kategori utama yang menggambarkan situasi darurat sebagaimana dihimpunkan dalam Kitab Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah (Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 1983). Pertama, makan dan minum, iaitu keperluan untuk mengambil makanan atau minuman yang asalnya dilarang (haram). Kedua, perubatan, iaitu keperluan untuk melihat atau menyentuh bagi tujuan rawatan. Ketiga, paksaan, iaitu keadaan di mana seseorang dipaksa untuk melakukan perbuatan terlarang seperti membunuh diri atau melakukan perbuatan tidak bermoral. Keempat, kemudaratan yang melibatkan pengambilan atau pemusnahan hak orang lain. Akhir sekali, kelima, kemudaratan yang memaksa seseorang untuk menyatakan sesuatu yang palsu. Oleh itu, kategori-kategori tersebut merupakan antara bentuk keadaan yang diiktiraf sebagai situasi *al-darūrat* dalam perbahasan fiqh.

Seterusnya, dalam penerapan konsep *al-darūrat*, terdapat beberapa syarat atau panduan yang telah dijelaskan oleh para ulama untuk dijadikan panduan dan rujukan. Namun demikian, bilangan syarat-syarat tersebut berbeza antara satu sumber dengan yang lain. Hal ini berlaku kerana terdapat sebahagian sorotan yang hanya menjelaskannya secara umum, manakala sebahagian yang lain

menghuraikannya dengan lebih terperinci. Perkara ini dapat dilihat, misalnya, dalam sorotan Al-Jayzānī (n.d.) yang menetapkan lima syarat, Al-Khanīn (2003) yang menyenaraikan empat syarat, dan Sulaiman (1993) yang hanya mengemukakan tiga syarat.

Ringkasnya, terdapat lima syarat utama dalam penerapan konsep *al-darūrat*. Syarat pertama dan kedua merupakan asas penting dalam penetapan hukum berdasarkan konsep ini, iaitu keadaan darurat tersebut mestilah benar-benar berlaku secara hakiki (*al-darūrat al-haqiqiyyah*), dan *rukhsah* (keringanan) yang dibenarkan hanyalah terhad kepada kadar keperluan yang diperlukan tanpa berlebihan atau melampaui batas yang ditetapkan oleh syarak (Sulaiman, 1993; Al-Khanīn, 2003; Al-Jayzānī, n.d.). Syarat ketiga pula menegaskan bahawa sesuatu tindakan yang dilakukan berdasarkan konsep *al-darūrat* tidak boleh menimbulkan kemudaratannya yang sama atau lebih besar daripada kemudaratannya asal (Sulaiman, 1993; Al-Khanīn, 2003). Seterusnya, syarat keempat menuntut agar setiap tindakan mematuhi prinsip-prinsip syariah, supaya tidak bercanggah dengan hukum-hukum yang telah ditetapkan (Al-Khanīn, 2003). Akhir sekali, syarat kelima menetapkan bahawa kelonggaran hanya dibenarkan apabila tiada alternatif lain yang mampu menyelesaikan permasalahan tersebut tanpa bercanggah dengan hukum syarak (Al-Jayzānī, n.d.).

Oleh itu, berdasarkan laman web rasmi PMWP, terdapat tiga isu permasalahan hukum yang telah dijelaskan melalui ruangan soal jawab agama ketika pandemik COVID-19 yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini. Isu-isu tersebut melibatkan situasi darurat yang memerlukan pertimbangan hukum berdasarkan konsep *al-darūrat*. Bagi menjelaskan permasalahan tersebut, pengaplikasian konsep *al-darūrat* telah diolah melalui hujah-hujah yang bersumberkan dalil al-Quran dan al-Sunnah, kaedah-kaedah fiqh berkaitan *al-darūrat*, maqasid syariah, serta syarat-syarat pembenaran penggunaan konsep *al-darūrat*. Antara syarat-syarat tersebut ialah kewujudan kemudaratannya yang bersifat hakiki, keringanan yang dibenarkan hanya sekadar keperluan, tindakan yang diambil tidak menimbulkan kemudaratannya yang lain, pematuan terhadap prinsip-prinsip syariah dan ketiadaan alternatif lain yang dibenarkan oleh syarak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan isu berkaitan COVID-19 yang menjadi fokus kajian ini terdiri daripada tiga isu utama yang diambil dalam skop ibadah, khususnya berkaitan permasalahan solat Jumaat. Tiga isu tersebut ialah hukum pelaksanaan solat Jumaat dalam menghadapi situasi COVID-19, hukum meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut dalam keadaan darurat seperti pandemik COVID-19; dan pandangan serta dalil yang menyokong kewajipan menunaikan solat Zohor sebagai ganti kepada solat Jumaat dalam situasi keuzuran.

Ketiga-tiga isu ini dipilih berdasarkan carian yang dilakukan melalui laman web rasmi PMWP di pautan muftiwp.gov.my. Tempoh pemilihan isu merangkumi artikel yang diterbitkan antara 7 Mac 2020 hingga 7 Oktober 2020, iaitu fasa awal penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Tempoh tersebut juga bertepatan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyaksikan pelbagai perubahan dalam amalan ibadah umat Islam, termasuk dalam pelaksanaan solat Jumaat. Isu-isu perbincangan bagi permasalahan ibadah dalam skop solat Jumaat ini adalah seperti berikut:

a) Hukum Perlaksanaan Solat Jumaat Dalam Menghadapi Situasi COVID-19

Perlaksanaan solat Jumaat merupakan salah satu ibadah yang sangat penting dan diwajibkan ke atas setiap lelaki Muslim yang telah mencapai usia baligh. Solat Jumaat juga berfungsi sebagai pengganti kepada solat Zohor pada hari Jumaat kerana ia dilaksanakan pada waktu yang sama. Dari segi kewajipan pula, solat ini hanya diwajibkan kepada kaum lelaki Muslim, manakala golongan wanita, kanak-kanak dan individu yang mempunyai keuzuran seperti sakit atau musafir tidak diwajibkan untuk melaksanakannya (Al-Naysābūrī, 1985).

PMWP memulakan penjelasan bagi isu ini dengan mengemukakan dalil-dalil yang menjelaskan kewajipan pelaksanaan solat Jumaat terlebih dahulu. Seterusnya, rujukan daripada beberapa badan fatwa berautoriti turut diambil sebagai panduan, antaranya keputusan Majlis Fatwa Syarie Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Majlis Fatwa Wilayah Kurdistan. Namun, penjelasan tersebut tidak terhenti di situ sahaja, kerana PMWP juga mengemukakan dalil-dalil daripada hadis Nabi Muhammad SAW sebagai sandaran dan penguat pandangan hukum yang dikemukakan, antaranya sabda Baginda SAW:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْتَنِعْهُ مِنْ اتِّبَاعِهِ غُذْرٌ قَالُوا: وَمَا الْغُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbās RA berkata, sabda Rasulullah SAW: “Sesiapa yang mendengar orang yang melaungkan azan maka tidaklah yang keuzuran menghalangnya dari mengikutinya (hadir solat berjemaah).” Para sahabat bertanya: “Apa maksud uzur?” Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.”

Al-Dāruqutnī, 1540

Hadis tersebut dikemukakan kerana apabila wujud keuzuran yang sah, maka kewajipan menunaikan solat Jumaat gugur, dan pelaksanaannya kembali kepada hukum asal, iaitu melaksanakan solat Zohor secara sempurna sebanyak empat rakaat. Hal ini demikian kerana situasi darurat ketika pandemik COVID-19 telah menuntut pengaplikasian konsep *al-darūrat* berdasarkan prinsip maqasid syariah. Antara prinsip utama maqasid syariah yang diberi penekanan pada ketika itu ialah penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*), memandangkan wabak COVID-19 berpotensi membawa kemudaratn besar terhadap nyawa manusia apabila dijangkiti.

Dalam hal ini juga, PMWP menegaskan bahawa setiap bentuk kemudaratn yang diambil kira hendaklah berdasarkan sangkaan yang kuat (*ghalabat al-zann*), dan bukannya semata-mata *wahm* (sangkaan lemah atau tidak berasas). Oleh itu, pandangan dan pengesahan daripada golongan pakar seperti pihak berautoriti di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat diperlukan bagi menentukan tahap sebenar kemudaratn tersebut. Hal ini juga selaras dengan perintah Allah SWT dalam firman-Nya:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.

Surah al-Nahl, 14:43

Keperluan untuk merujuk kepada ahli pakar seperti yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya adalah kerana mereka merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan mendalam dan kepakaran dalam bidang masing-masing (Al-Ṭabarī, 1994). Di samping itu, walaupun PMWP tidak memperincikan secara langsung, penggunaan kaedah-kaedah fiqh juga boleh diaplikasikan dalam isu ini. Antaranya ialah kaedah *dar’u al-mafāsīd awlā min jalb al-maṣāliḥ* (menolak kemudaratn didahulukan daripada memperoleh kemaslahatan) dan *al-darūrah tuqaddar bi qadarihā* (keadaan darurat hendaklah diukur mengikut kadar keperluannya).

Menurut Ibn Nujaym (1999), kaedah *dar’u al-mafāsīd awlā min jalb al-maṣāliḥ* digunakan apabila berlaku pertembungan antara dua perkara yang berbeza, iaitu kemudaratn dan kemaslahatan. Dalam keadaan tersebut, keutamaan diberikan kepada usaha mengelakkan kemudaratn berbanding meraih kemaslahatan kerana kemudaratn yang berlaku adalah lebih besar. Sebagai contoh, dalam situasi pandemik COVID-19, pengguguran pelaksanaan solat Jumaat perlu diutamakan terlebih dahulu memandangkan terdapat risiko kemudaratn sekiranya solat Jumaat dilaksanakan seperti biasa. Namun begitu, pengguguran tersebut hendaklah dibataskan hanya sepanjang tempoh darurat dan dikembalikan semula kepada hukum asal setelah keadaan pulih, selaras dengan kaedah fiqh *al-darūrah tuqaddar bi qadarihā* yang menetapkan bahawa sesuatu keringanan hanya dibenarkan mengikut kadar keperluannya.

Berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh PMWP melalui elemen *al-darūrat*, didapati bahawa pendekatan tersebut adalah berlandaskan syariat Islam. Hal ini demikian kerana Islam merupakan agama yang bersifat mudah dan sentiasa memberikan keringanan kepada umatnya dalam menghadapi situasi sukar, kesulitan, kemudaratn, keuzuran dan keadaan darurat yang lain.

b) Hukum Meninggalkan Solat Jumaat Sebanyak Tiga Kali Dalam Situasi Darurat Seperti COVID-19

Isu ini dibangkitkan susulan kebimbangan masyarakat terhadap kesan pelaksanaan PKP yang berpanjangan sehingga menyebabkan umat Islam tidak dapat menunaikan solat Jumaat sebanyak tiga

kali berturut-turut. Bagi menjelaskan permasalahan tersebut, PMWP telah mengemukakan dalil daripada hadis yang menunjukkan adanya keringanan serta kelonggaran dalam pelaksanaan solat Jumaat sekiranya wujud keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbās RA, berkata Rasulullah SAW: Sesiapa yang mendengar seruan azan kemudian tidak mendatangnya (pergi ke masjid) maka tidak sempurna solatnya, melainkan disebabkan keuzuran.

Ibn Mājah: 793

Berdasarkan hadis yang disebutkan sebelum ini mengenai pelaksanaan solat berjemaah di masjid, meskipun secara lahirnya hadis tersebut merujuk kepada solat berjemaah secara umum, namun solat Jumaat turut termasuk dalam kategori solat berjemaah yang dituntut sebagaimana difahami oleh para ulama. Oleh itu, keuzuran yang dinyatakan dalam hadis tersebut menjadi asas kepada pemberian keringanan dan kelonggaran untuk meninggalkan solat berjemaah, termasuklah solat Jumaat, apabila terdapat keuzuran yang diiktiraf oleh syarak. Menurut Al-Maghrabī (1994), keuzuran yang disebutkan dalam hadis terdahulu bersifat umum dan meliputi pelbagai keadaan. Justeru, bagi menjelaskan bentuk keuzuran yang lebih khusus, PMWP turut mengemukakan dalil hadis lain yang memperincikan pengecualian tersebut sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Terjemahan: Apa maksud uzur? Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.”

Al-Dāruquṭnī:1540

Hadis ini menjelaskan dengan lebih terperinci maksud keuzuran yang dibenarkan oleh syarak untuk mendapatkan kelonggaran dan keringanan dalam pelaksanaan solat berjemaah atau solat Jumaat. Antara bentuk keuzuran tersebut termasuklah rasa takut terhadap ancaman terhadap diri, maruah, atau harta, ketakutan terhadap kezaliman atau muflis, serta penyakit (Al-Qārī, 2001). Keadaan ini dapat dikaitkan dengan situasi semasa ketika penularan wabak COVID-19, di mana ancaman penyakit tersebut jelas memberi kemudaran yang nyata terhadap nyawa manusia. Maka, berdasarkan maqasid syariah, keutamaan perlu diberikan kepada *hiḏ al-naḏs*, yang menjadi antara objektif utama syariat Islam dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan umat.

Seterusnya, PMWP turut menjelaskan bahawa kemudaran yang dijadikan alasan untuk menggugurkan kewajipan solat Jumaat mestilah benar-benar wujud secara yakin (*al-ḏarūrah al-ḥaqīqiyah*) dan bukan sekadar *wahm*. Dalam hal ini, konsep *ghalabah al-ẓann* turut digunakan, iaitu apabila terdapat sangkaan kuat berdasarkan bukti dan penilaian yang kukuh bahawa kemudaran tersebut benar-benar berlaku. Oleh itu, bagi memastikan sesuatu kemudaran itu benar-benar sah dan berasaskan fakta, nasihat serta pandangan daripada ahli pakar dalam bidang berkaitan perlu diambil kira. Ini kerana mereka memiliki kepakaran dan pengetahuan mendalam terhadap perkara tersebut. Prinsip ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 43, sepertimana yang disebut di atas. Ayat ini menunjukkan bahawa Islam menekankan kepentingan rujukan kepada ahli ilmu dan pakar bidang dalam menentukan sesuatu hukum, terutamanya dalam keadaan darurat yang memerlukan pertimbangan berdasarkan fakta dan ilmu yang sah.

Namun begitu, setiap keringanan yang diberikan sepanjang pandemik COVID-19 adalah bersifat sementara dan terikat dengan kewujudan kemudaran. Ini bermaksud, selagi mana kemudaran tersebut masih wujud, maka hukum keringanan tersebut tetap dibenarkan. Namun, apabila keadaan telah kembali pulih dan kemudaran tersebut tidak lagi berlaku, maka hukum asal sesuatu ibadah kembali terpakai seperti sediakala. Sebagai contoh, apabila PKP telah dihentikan kerana wabak COVID-19 tidak lagi mengancam keselamatan awam, maka pelaksanaan solat Jumaat perlu dilaksanakan semula sebagaimana hukum asalnya. Hal ini adalah selaras dengan kaedah fiqhiyyah *al-ḏarūrah tuqaddar bi qadarihā*. Kaedah ini menegaskan bahawa setiap bentuk keringanan hanya

dibenarkan dalam batas keperluan yang wujud dan tidak boleh diperluaskan apabila sebab atau alasan darurat tersebut telah berakhir.

c) Pandangan Serta Dalil Yang Menyokong Kewajipan Solat Zohor Bagi Menggantikan Solat Jumaat Dalam Situasi Keuzuran

Ringkasnya, dalam isu ini PMWP telah menghimpunkan beberapa hujah dan dalil syarak yang menjadi sandaran kepada kewajipan melaksanakan solat Zohor sebagai ganti kepada solat Jumaat apabila wujud keuzuran yang diiktiraf oleh syarak. Antara dalil-dalil utama yang dikemukakan oleh PMWP ialah firman Allah SWT:

مَنْ سَمِعَ النَّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلَا صَلَاةَ لَهُ إِلَّا مِنْ عُذْرٍ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Abbās RA, berkata Rasulullah SAW: Sesiapa yang mendengar seruan azan kemudian tidak mendatanginya (pergi ke masjid) maka tidak sempurna solatnya, melainkan disebabkan keuzuran.

Ibn Mājah: 793

Kemudian, hadis sebelum ini dikhususkan dengan sabda Rasulullah SAW:

وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ

Terjemahan: Apa maksud uzur? Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.”

Al-Dāruquṭnī: 1540

Selain itu, sebagaimana yang dinukilkan oleh tokoh mazhab Shafie Sheikhul Islam Zakariyya al-Ansari dari al-Qaḍī ‘Iyāḍ juga turut diambil sebagai panduan iaitu:

وَقَدْ نَقَلَ الْقَاضِي عِيَاضٌ عَنِ الْعُلَمَاءِ أَنَّ الْمَجْدُومَ وَالْأَبْرَصَ يُمْنَعَانِ مِنَ الْمَسْجِدِ وَمِنْ صَلَاةِ الْجُمُعَةِ وَمِنْ اخْتِلَاطِهِمَا بِالنَّاسِ

Terjemahan: Al-Qaḍī ‘Iyāḍ telah menukilkan pendapat dari para ulama yang menyatakan bahawa seseorang yang menghidap penyakit kusta dan sopak dihalang dari masuk ke dalam masjid dan (dihalang) mendirikan solat Jumaat serta tidak dibenarkan bercampur dengan orang ramai.

Al-‘Anṣārī: 1/215

Berdasarkan pandangan para tokoh sebelum ini, keadaan tersebut adalah bertepatan dengan situasi yang dihadapi semasa penularan wabak COVID-19. Hal ini kerana, wabak tersebut mampu memberikan kesan yang memudaratkan kepada individu dan masyarakat sekiranya tidak dibendung dengan langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya. Malah, perkara ini juga selaras dengan prinsip maqāṣid al-syarī‘ah, khususnya dalam aspek *hifz al-nafs* yang merupakan antara keperluan asasi (*darūriyyāt*) yang wajib dipelihara. Tambahan pula, tindakan tersebut tidak bercanggah dengan kehendak syariat Islam, bahkan mencerminkan keanjalan dan rahmat Islam dalam menangani keadaan darurat bagi mengelakkan kemudaratkan yang lebih besar.

Selain itu, PMWP turut menegaskan bahawa tindakan pihak pemerintah melaksanakan PKP sebagai langkah pencegahan penularan wabak ketika itu tidak bercanggah dengan prinsip syariat Islam. Hal ini kerana, keputusan tersebut dibuat berdasarkan pandangan pihak berautoriti, khususnya KKM yang memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan kesihatan dan keselamatan awam. Malah, tindakan ini juga selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl, ayat 43, yang memerintahkan agar merujuk kepada golongan ahli ilmu dalam perkara yang berada di luar bidang kepakaran sendiri. Oleh itu, tindakan pemerintah berasaskan nasihat pakar tersebut menunjukkan bahawa kemudaratkan yang berlaku semasa pandemik COVID-19 adalah suatu kemudaratkan yang

sebenar (*al-darūrat al-ḥaqīqīyyah*) atau berdasarkan sangkaan kuat (*ghalabat al-zann*), dan bukan sekadar andaian semata-mata.

Berdasarkan dalil-dalil dan pandangan yang telah dikemukakan oleh PMWP sebelum ini, pengaplikasian kaedah fiqh *al-darūrah tuqaddar bi qadarihā* turut diperlukan sebagai asas dan panduan dalam menetapkan had bagi setiap bentuk kelonggaran yang dibenarkan. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Shabir (2007) dan Haidar (2003) bahawa keringanan hukum tidak diberikan secara mutlak, sebaliknya terhad hanya pada kadar keperluan yang benar-benar diperlukan sahaja. Oleh itu, apabila penularan wabak COVID-19 telah beransur pulih dan kemudahan yang menjadi sebab keringanan tersebut hilang, maka hukum pelaksanaan ibadah kembali semula kepada hukum asalnya sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) telah mengemukakan pelbagai hujah berdasarkan dalil al-Quran, al-Sunnah, pandangan tokoh-tokoh mazhab, keputusan fatwa lain, serta pertimbangan maqasid syariah dalam menjelaskan isu-isu berkaitan COVID-19. Walaupun dalam ketiga-tiga isu yang dikaji tidak dinyatakan secara jelas kaedah fiqh yang berkaitan, hal tersebut tidak bermakna ia bertentangan dengan prinsip syariah. Sebaliknya, perkara ini boleh dijadikan ruang penambahbaikan pada masa hadapan, iaitu dengan memberikan penekanan terhadap pengaplikasian kaedah-kaedah fiqh secara lebih eksplisit, seperti kaedah *al-darar yuzāl* (kemudahan hendaklah dihilangkan) dan *al-mashaqqah tajlib al-taysīr* (kesukaran membawa kepada kemudahan). Ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa PMWP telah mengaplikasikan konsep *al-darūrat* secara selaras dengan prinsip-prinsip syariah. Selain itu, PMWP turut memainkan peranan penting dalam memberikan panduan dan penjelasan hukum terhadap pelbagai permasalahan yang timbul sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Melalui penerapan konsep *al-darūrat* yang disertai hujah berasaskan nas dan maqāsid, PMWP berjaya memperlihatkan keanjalan hukum Islam dalam menangani situasi yang melibatkan kesulitan, keuzuran, dan kemudahan.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) serta Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS) atas kesempatan yang diberikan untuk menerbitkan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa artikel ini disediakan tanpa sebarang konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Kesemua penulis telah menjalankan keseluruhan kajian, menulis, menyemak, serta meluluskan manuskrip ini untuk diterbitkan.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI

1. Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang penggunaan alat AI dalam penjaanaan kandungan artikel ini.
2. Penulis mengakui penggunaan alat AI hanya digunakan sebagai semakan bahasa, penyuntingan ayat dan pembetulan tatabahasa sahaja.
3. Penulis mengakui penggunaan alat AI hanya bagi tujuan semakan fakta atau pembelajaran sendiri sahaja.

RUJUKAN

- Ab Razak, M. R. & Ismail, A. M. (2022). The direct issuing fatwa on the distance between worshipers in congregational prayer in the Malaysian reality and the extent of its discipline concerning the consequences of actions and fatwa: Mufti office of Kedah as an example. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 8(2), 195-218.
- Al-‘Anṣārī, Z. (n.d.). *Asnā al-maṭālib fī sharḥ rauḍ al-tālib*. Cairo: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Dāruquṭnī, ‘A. I. ‘A. I. M. (2001). *Sunan al-Dāruquṭnī* (‘Ā. A. ‘A. al-Mawjūd & ‘A. M. Ma‘waḍ, Eds.). Beirut: Dār al-Ma‘rifat.
- Al-Jayzānī, M. Ḥ. (n.d.). *Ḥaqīqat al-ḍarūrah al-shar‘iyyah wa taṭbīqātuhā al-mu‘āṣirah*. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj li al-Nasyr wa al-Tauzī‘.
- Al-Khanīn, ‘A. I. M. I. S. (2003). *Tausīf al-aqḍiyyah fī al-sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Riyadh.
- Al-Maghrabī, A. I. M. (1994). *Al-Badr al-tamām sharḥ Bulūgh al-Marām* (‘A. I. ‘A. al-Zabn, Ed.). Riyadh: Dār al-Waṭan.
- Al-Mallāh, Ḥ. M. (2009). *Al-fatwa: Nash‘atuhā wa taṭawwuruhā, uṣūluḥā wa taṭbīqātuhā*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Naysābūrī, I.M.M. (1985). *Al-Ijmā‘*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Alamiyyah.
- Al-Qārī, N. al-D. M. ‘A. I. S. M. (2001). *Mirqāt al-mafātīḥ sharḥ mishkāṭ al-maṣābīḥ* (J. al-‘Itānī, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭabarī, B. ‘A. (1994). *Tafsīr al-Ṭabarī min kitābih Jāmi‘ al-bayān ‘an ta‘wīl āy al-Qur‘ān*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Al-Turkī, ‘A. I. ‘A. al-M. (1990). *Uṣūl mazḥab al-Imām Aḥmad: Dirāsah uṣūliyyah muqāranah*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Ḥaidar, A. (2003). *Durar al-Ahkām sharḥ Majallatu al-Ahkām*. Beirut: Dār al-Kutub.
- Ibn Mājah, M. I. Y. al-Qazwīnī. (2015 [1436 H]). *Sunan Ibn Mājah* (R. Ṣ. I. A. ‘Ulaḥ, Ed.). Riyadh: Dār al-Ḥaḍārah li al-Nasyr wa al-Tauzī‘.
- Ibn Nujaym, Z. al-D. I. I. (1999). *Al-Ashbāh wa al-naẓā‘ir ‘alā mazḥab Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail, M.A. (2015, February 11). *Fatwa membentuk muafakat ummah*. Laman Rasmi Institut Kefahaman Islam Malaysia <https://www.ikim.gov.my/fatwa-membentuk-muafakat-ummah/>
- Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. (1983). *Al-Mausu‘ah al-fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam.

- Massarwh, A.A. (2024). The importance of taking the expert's opinion. *International Journal of Religion*, 5(10), 173–184.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (n.d.). *Prosedur operasi standard (SOP): Jawapan, hukum dan fatwa*. Putrajaya: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Rahman, A. A. (2018). Konsep fatwa dan cabaran penguatkuasaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Fatwa Management and Research*, 2(1), 7–26.
- Shabir, M. 'U. (2007). *Al-qawā'id al-kulliyyah wa al-dawābiṭ al-fiqhiyyah fī al-sharī'ah al-Islāmiyyah*. Amman: Dār al-Nafaes.
- Sulaiman, A. W. I. A. (1993). *Fiqh al-Darurah wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah: Afaq wa Ab'ad*. Jeddah: al-Ma'had al-Islami Lil-Buhus Wa al-Tadrib.
- World Health Organization. (2021). *Coronavirus disease (COVID-19)*. https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1
- Yassin, K., Azahar, M.A., Mohammad, M. F., Kashim, M.I.A.M., Hasim, N.A., Zin, D.M.M., Mahmood, A.M. & Said, N.L.M. (2024). Towards understanding the concept of fatwa on medical treatment involving forbidden sources. *International Journal of Religion*, 5(10), 2881–2889.
- Zuhaili, Wahbah. (1985). *Naẓariyyat al-ḍarūrah al-shar'īyyah muqāranah ma'a al-qānūn al-waḍ'ī*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).